CEO Hektar Asset Management letak jawatan (Berita Harian – 11 Jun 2024)



Johari Shukri Jamil.

KUALA LUMPUR: Hektar Asset Management Sdn Bhd (Hektar Asset Management), pengurus Hektar Real Estate Investment Trust (Hektar REIT), mengumumkan peletakan jawatan Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Johari Shukri Jamil, berkuat kuasa 11 Jun ini.

Johari, 52, yang berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sejak 11 Jun 2022, berundur untuk mengejar peluang profesional lain.

"Lembaga Pengarah merakamkan ucapan terima kasih yang tulus kepada Johari atas khidmat dan komitmen beliau dalam meningkatkan nilai kepada Pemegang Unit kami.

"Kepimpinan beliau selepas pandemik itu menghidupkan semula keuntungan kami dan memulihkan keyakinan terhadap Hektar REIT. Kami mendoakan kejayaan beliau dalam usaha masa depannya," kata Lembaga Pengarah Hektar Asset di sini hari ini.

Sebelum menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Johari telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Hektar REIT pada Februari 2022 berbekalkan lebih 20 tahun pengalaman korporat yang luas dalam hartanah, pembangunan industri, logistik dan kejuruteraan, Johari telah memainkan peranan penting dalam mengemudi.

Hektar REIT melalui pemulihan pasca-pandemi dan menerajui pertumbuhan.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Johari bekerjasama rapat dengan Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan untuk mentakrifkan dan melaksanakan strategi keseluruhan Hektar REIT, menyelia pembangunan strategik dan operasi harian.

Hektar REIT kekal komited untuk menavigasi landskap runcit yang semakin kompetitif dengan mempelbagaikan portfolio asetnya.

Sebagai sebahagian daripada kepelbagaian ini, Hektar REIT merancang pemerolehan bukan runcit pertamanya, Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM), sebuah sekolah swasta kediaman sepenuhnya dan pendidikan bersama yang menawarkan pendidikan berkualiti, dengan dijangka siap menjelang Jun tahun ini.

Hektar REIT sedang giat meneruskan perancangan pelaburan yang akan meningkatkan aset di bawah pengurusan (AUM), hasil dan penilaiannya untuk menyediakan pertumbuhan mampan jangka panjang untuk pemegang unit.